

**Rafizi mengaku tidak bersalah tuduhan provokasi ahli Umno**  
**Malaysian Insider**  
**Aug 28, 2014**  
**Oleh Muzliza Mustafa**

Ahli Parlimen Pandan Rafizi Ramli tidak mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Petaling Jaya, hari ini terhadap pertuduhan secara sengaja menghina dan membuat provokasi kepada ahli Umno melalui satu tulisan yang disiarkan The Edge Malaysia.

Rafizi yang diwakili peguam N Surendran didakwa mengikut Seksyen 504 Kanun Keseksaan kerana secara sengaja menghina ahli Umno dan boleh menyebabkan gangguan kepada ketenteraman awam.

Beliau didakwa membuat komen berunsur penghinaan itu dalam satu artikel bertajuk "Adakah Rafizi akan meletakkan jawatan jika Selangor dijatuhkan?". – 28 Ogos, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider  
Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/rafizi-mengaku-tidak-bersalah-tuduhan-provokasi-ahli-umno>